

PESTA PENDANG & HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN PERINGKAT DAERAH PENDANG 2017

Pada 24 November 2017, telah berlangsung Majlis Perasmian Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Daerah Pendang yang dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Pertanian I Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman.



Semasa majlis tersebut, MADA turut memberi Penyerahan Insentif Projek Estet Padi NKEA EPP 10 kepada 15 orang peladang.

Nilai keseluruhan bagi Insentif Projek Estet Padi NKEA EPP 10 bagi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sebanyak RM 18,215,166.





Seramai 7,575 orang peladang bagi keseluruhan 27 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA dari kumpulan D, E, F dan G menerima insentif tersebut dengan keluasan keseluruhan projek 24,768.108 hektar.

Sehingga 24 November 2017, sebanyak 23 PPK dalam Kawasan Muda telah menyalurkan insentif tersebut dan dijangka selesai pada awal bulan Disember 2017.

Disamping itu juga, YB Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman sempat meluangkan masa melawat ke khemah pameran dan gerai jualan dari seluruh agensi di bawah Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani.

